

06/08/1997

Kerajaan bantu bina MSRI

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan berusaha membantu membiayai kos pembinaan bangunan Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI) yang berfungsi membantu wanita serta kanak-kanak mangsa kekejaman akibat peperangan.

Menterinya, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata bangunan bernilai kira-kira RM6 juta itu akan didirikan di kawasan yang dikenal pasti di Hulu Klang menjelang tahun 2000.

Beliau berkata, setakat ini, MSRI menerima bantuan sebanyak RM2 juta sumbangan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan RM200,000 dari Yayasan Lee untuk projek berkenaan.

Menurutnya, walaupun MSRI sudah ditubuhkan sejak 40 tahun lalu, ia masih belum mempunyai bangunannya sendiri dan buat masa ini menyewa di sebuah rumah dan kini diminta mengosongkan rumah berkenaan.

"MSRI sudah meminta Bahagian Perumahan Jabatan Perdana Menteri (JPM) supaya membenarkan mereka menggunakan bangunan lama milik JPM untuk kegunaan sementara," katanya kepada pemberita selepas meraikan rombongan 81 kanak-kanak Palestin serta pekerja sosial dari Lebanon ke Malaysia, di sini hari ini.

Turut hadir Pemegang Amanah Badan MSRI, Dr Alijah Gordon.

Rombongan itu tiba di sini pagi ini dan mereka dijangka berada di Malaysia selama hampir sebulan.

Rombongan kali kedua yang diketuai Qassim Aina dan Hannan Masri, dari Beit Atfal as-Samoud itu akan dibawa melawat beberapa tempat menarik dan bersejarah di negara ini, termasuk Langkawi, Sabah, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur.

Zaleha berkata, beberapa program juga diatur untuk mengutip derma bagi membiayai projek bangunan MSRI dan tabung kanak-kanak dan wanita teraniaya, menderitanya serta menjadi mangsa rogol akibat peperangan di Beirut, Lebanon dan Palestin, termasuk program makan malam dan konsert amal.

Menurutnya, kemuncak program itu ialah majlis makan malam dan konsert amal bertemakan 'Malam Gema Irama Palestin' di Pusat Dagangan Dunia Putra, Jumaat ini yang dijangka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, setakat ini MSRI sudah menerima bantuan kewangan RM566,500 sumbangan beberapa sektor korporat, termasuk masing-masing RM100,000 dari YTL Corporation, Denko Industrial Corporation dan TA Enterprise.

(END)